



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Emel : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

26 Julai 2019

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK DR NORAINI AHMAD,
PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN MALAYSIA MERANGKAP AHLI PARLIMEN
PARIT SULONG BERHUBUNG SEMINAR JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA KOMANWEL(CAPAC) PADA 1
HINGGA 3 OGOS 2019.**

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Seminar Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Komanwel (CAPAC) yang akan berlangsung di Kuala Lumpur bermula 1 hingga 3 Ogos ini.
- 2) Seminar ini adalah anjuran Persatuan Komanwel United Kingdom (CPA-UK) dan ini adalah kali pertama PAC Parlimen Malaysia dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi CAPAC yang membabitkan negara-negara Komanwel dari rantau Asia dan Asia Tenggara.
- 3) PAC Parlimen Malaysia amat berbesar hati dan gembira untuk menjadi tuan rumah untuk persidangan ini yang membabitkan lebih 20 ahli PAC, Setiausaha PAC dan Pengerusi PAC dari lapan negara Komanwel termasuk Singapura, Hong Kong, Pakistan, Sri Lanka, India, Maldives, India serta Bangladesh dan saya mengalu-alukan kehadiran semua mereka ke Malaysia.

- 4) Speaker Dewan Rakyat, Datuk Mohamad Ariff Md Yusof akan merasmikan seminar yang diadakan di Parlimen Malaysia dan dijangka turut dihadiri Meg Hillier, Pengerusi PAC Parlimen United Kingdom.
- 5) CAPAC pertama kali dianjurkan di Fiji bagi negara Komanwel rantau Pasifik pada Februari lalu, dan pada Januari 2020, ia akan dianjurkan di salah sebuah negara di rantau Caribbean.
- 6) Sepanjang seminar ini, semua peserta akan didedahkan amalan terbaik untuk PAC Parlimen Malaysia menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan terutama sekali dalam mengesan berlaku unsur penyelewengan dalam kewangan kerajaan.
- 7) Ini adalah medan terbaik bagi ahli-ahli PAC Parlimen Malaysia bertukar pandangan dan pendapat dengan rakan-rakan mereka dalam memantapkan lagi struktur urus tadbir Jawatankuasa ini, terutama sekali memastikan PAC memainkan fungsi semak dan imbang terhadap Kerajaan.
- 8) Rakyat kini menuntut PAC Parlimen Malaysia memainkan peranan lebih aktif dan berkesan terutama sekali dalam menjalankan siasatannya melalui prosiding dengan telus serta berakauntabiliti.
- 9) Justeru, saya mengharapkan ahli-ahli PAC Parlimen Malaysia dapat menambah ilmu mereka mengenai kaedah terbaik yang diamalkan di negara2 Komanwel sama ada ia dapat disesuaikan ketika Jawatankuasa ini mengadakan prosiding.

Sekian terima kasih.